

SOALAN NO: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 6 MAC 2018

SOALAN:

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak Kementerian bagi memberikan penerangan yang jelas berkenaan Skim Insurans Pekerjaan (SIP) kepada majikan & pekerja kerana skim yang sangat berfaedah ini sering kali disalah tafsir sebagai skim yang membebankan.

PR-1361- L05292

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) merupakan skim baharu yang dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui PERKESO berkuat kuasa mulai 1.1.2018. SIP merupakan skim perlindungan tambahan kepada pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan bagi menggantikan pendapatan yang hilang, menyediakan latihan *reskilling* dan *upskilling* kepada pekerja untuk mendapatkan pekerjaan baharu serta menyediakan perkhidmatan carian pekerjaan supaya mereka mendapat pekerjaan yang sesuai dengan lebih cepat.
2. Bagi memberikan penjelasan yang jelas kepada masyarakat mengenai kepentingan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), PERKESO telah mengadakan sesi penerangan bersama *stakeholders* yang melibatkan kesatuan sekerja dan persatuan majikan menerusi program *roadshow* di 17 buah lokasi peringkat negeri di seluruh negara secara percuma yang telah dihadiri lebih daripada 6,000 peserta yang terdiri daripada wakil majikan dan pekerja.
3. PERKESO turut melaksanakan program publisiti secara aktif melalui hebahan di media massa seperti di stesen-stesen TV Bernama, TV1, TV3, TV9, dan stesen-stesen radio KLFM, Nasional

4

FM, MinnalFM, AiFM, Suria FM dan BFM 89.9, Traxx FM, Slot Selamat Pagi Malaysia, sidang media dan kenyataan akhbar.

4. Penggunaan media cetak seperti kenyataan-kenyataan akhbar, pengiklanan dan ruangan *advertorial* dalam akhbar-akhbar *The Star*, Berita Harian, Harian Metro, Nanyang Siang Pao dan NST termasuk pengurusan acara di semua pejabat PERKESO seluruh negara yang mendapat liputan meluas semua media massa. Selain itu, PERKESO turut menerbitkan risalah dan klip-klip video yang disebar luas melalui media sosial seperti laman sesawang *Facebook*, *YouTube*, *WhatsApp* dan *Instagram*. Hebahan dan edaran 'pekeliling' kepada majikan yang layak di portal PERKESO serta di pejabat-pejabat PERKESO seluruh negara turut dilaksanakan.